


# BERITA HARIAN

## Malaysia terus berusaha majukan pendigitalan

Mei 17, 2023 @ 9:57am



Malaysia sudah menunjukkan kemajuan ketara dalam usaha pendigitalannya sejak beberapa tahun kebelakangan ini apabila kerajaan dan pihak swasta bersama melabur dalam teknologi serta infrastruktur digital.

la bukti kepemimpinan negara dalam menerajui perubahan progresif menerusi inovasi teknologi dan transformasi digital.

Negara juga proaktif menerajui pelbagai inisiatif ke arah matlamat itu seperti kesalinghubungan internet berkelajuan tinggi dan kemajuan lain dalam teknologi telekomunikasi.

Tumpuan utama masih kekal untuk menyediakan akses saksama kepada semua menerusi capaian kesalinghubungan dan teknologi digital, terutama di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan seperti di luar bandar dan terpencil bagi merapatkan jurang digital.

Penambahbaikan infrastruktur digital mencerminkan pengiktirafan yang semakin meningkat berkenaan kepentingan kesalinghubungan digital dalam membentuk masa depan ekonomi dan sosial negara serta untuk mengembangkan lagi ekonomi digital.

Malah, infrastruktur teguh adalah penting untuk menyokong inovasi teknologi dan transformasi digital.

Oleh itu, melalui penyediaan akses infrastruktur, Malaysia bukan sahaja akan memupuk pertumbuhan ekonomi digital, tetapi juga memacu pemeraksanaan komuniti yang membawa kepada penyertaan dalam ekonomi digital merentasi pelbagai industri termasuk pertanian, pendidikan, penjagaan kesihatan dan pembuatan.

Pendekatan negara turut tertumpu kepada hasil yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Justeru, dengan pelancaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), ia meletakkan Malaysia menjadi negara digital, menerajui ekonomi digital menjelang 2030 dan menyediakan hala tuju negara kekal berdaya saing dalam era digitalisasi.

Garis panduan MyDIGITAL juga merancang mempercepatkan pencapaian Malaysia sebagai negara ekonomi yang maju dari segi teknologi.

Ini kerana, ketika ini Malaysia sudah mencapai kemajuan ketara sepanjang dekad lalu.

Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) iaitu pelan lima tahun dari 2020 sehingga 2025 dan MyDIGITAL, meletakkan Malaysia di landasan betul untuk membuka potensi penuh inovasi teknologi dan transformasi digital.

Ia juga memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai kesalinghubungan menyeluruh menjelang 2025, sekali gus membolehkan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada inisiatif itu.

Inisiatif JENDELA merangkumi dua fasa dengan Fasa 1 bermula dari 2020 hingga Fasa 2 dari 2023 sehingga 2025.

Bagaimanapun, amat memberangsangkan apabila menjelang akhir JENDELA Fasa 1 pada Disember 2022, Malaysia telah memperoleh liputan lebih luas dan kualiti pengalaman lebih baik untuk pengguna teknologi digital.

Pada masa sama, menyediakan negara untuk teknologi 5G dan mencipta impak lebih besar melalui Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dalam memartabatkan sosioekonomi serta meningkatkan keseluruhan ekonomi digital negara.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) kekal teguh dalam komitmennya untuk terus mengukuhkan akses kepada kesalinghubungan dan ekosistem digital, serta memperkasakan lagi masyarakat melalui teknologi maklumat dan digital seperti yang digariskan di bawah pelan ekonomi digital dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Dengan mengambil kira aspirasi Malaysia MADANI, inisiatif ini mengutamakan kemudahan perhubungan untuk rakyat yang sedang dilaksanakan untuk memastikan pengguna mampu menghadapi cabaran ekonomi yang dinamik.

Matlamat utama adalah untuk mencapai dekad keemasan ekonomi digital Malaysia.

### **Wujudkan kesalinghubungan digital**

JENDELA dilancarkan sebagai tindak balas kepada matlamat negara untuk mewujudkan kesalinghubungan digital yang teguh, termasuk meningkatkan liputan jalur lebar, kualiti dan menyediakan akses kesalinghubungan di seluruh negara.

Inisiatif itu bertujuan menyediakan liputan internet yang lancar dan memastikan rakyat Malaysia serba lengkap untuk mengharungi era digital yang dijangka memberi impak besar kepada kesejahteraan ekonomi serta sosial negara.

Aspirasi JENDELA adalah untuk memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai kesalinghubungan menyeluruh menjelang 2025, sekali gus membolehkan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada inisiatif itu.

Mengetahui hakikat bahawa telekomunikasi diiktiraf sebagai utiliti awam ketiga, kerajaan terus komited dalam menyediakan akses kepada teknologi digital di seluruh Malaysia tanpa mengira status sosioekonomi atau lokasi geografi.

Sehingga 31 Disember 2022, sejumlah 7.74 juta premis memperoleh penyambungan gentian optik, melebihi sasaran 7.5 juta premis.

Selain itu, kelajuan jalur lebar mudah alih juga sudah melepasi kelajuan sasaran 35Mbps pada akhir 2022 iaitu kepada kadar purata 116.03 Mbps.

Liputan 4G pula telah berkembang kepada 96.92 peratus di kawasan berpenduduk iaitu melepasi sasaran 96.9 peratus.

Malah, pertumbuhan pesat aspek pendigitalan di dalam negara mendapat pengiktirafan global pada Sidang Kemuncak Dunia menerusi Anugerah World Summit of Information Society 2023 (WSIS 2023) di Geneva, Switzerland, baru-baru ini.

Ia adalah pencapaian penting Malaysia dalam merealisasikan objektif JENDELA bagi menyediakan rakyat Malaysia akses kepada kesalinghubungan yang membuka jalan ke arah ekonomi digital yang berkaitan dengan lebih baik.

Sementara itu, melalui rangkaian PEDi yang meluas, MCMC juga mengorak langkah ke hadapan dalam memastikan rakyat Malaysia khususnya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan, dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan digital.

PEDi adalah satu daripada inisiatif oleh MCMC, ia terdiri daripada rangkaian komprehensif dan menyeluruh. Sebanyak 911 pusat PEDi mampu menyediakan perkhidmatan kepada sejumlah 18.9 juta penduduk dalam radius 5 kilometer dari premis.

PEDi dibangunkan sebagai pusat sehati bagi individu yang ingin terlibat dalam ekonomi digital, menawarkan rangkaian perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai bagi memenuhi keperluan teknologi seperti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Sejak 2016, antara program utama dimulakan di PEDi sudah memberi manfaat kepada masyarakat setempat, termasuk latihan berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), keusahawanan, multimedia dan e-pembelajaran.

PEDi turut memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi, pendigitalan serta latihan automasi yang tepat kepada masyarakat untuk memanfaatkan kelebihan e-dagang sambil menggalakkan ekonomi digital dan meningkatkan peluang pendapatan.

PEDi juga memperkenalkan inisiatif yang dikenali sebagai Program Pemerksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) pada 2021.

Program itu bertujuan menyokong usahawan mikro dengan menawarkan bimbingan dan latihan meluas dalam pemasaran digital.

PUPUK bekerjasama dengan rakan kongsi strategik dan agensi yang mengambil bahagian, serta menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta, syarikat telekomunikasi dan penyedia platform e-dagang.

Secara keseluruhannya, kemajuan Malaysia dalam teknologi dan pendigitalan amat ketara dan negara kini berada pada kedudukan yang baik untuk meneruskan laluan ke arah ekonomi digital.

Dengan pelaburan berterusan dalam infrastruktur dan dasar, Malaysia berpotensi untuk muncul sebagai peneraju utama dalam landskap digital di rantau ini.

MCMC komited sepenuhnya untuk memastikan industri komunikasi dan multimedia kekal berdaya tahan dan teguh serta bersedia menyediakan akses kepada kesalinghubungan yang lancar kepada semua rakyat Malaysia seperti hasrat dasar digital dan kesalinghubungan negara.